

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 19.09.2025 MASA: 3:45PTG

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN**

ABDUL HAMID

**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN HARI BANDARAYA SEBERANG  
PERAI KE-6 TAHUN 2025 DAN MAJLIS PERASMIAN  
MBSP SANTUNI KOMUNITI

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**20 SEPTEMBER 2025 (SABTU)**

**9.30 PAGI**

**MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh bersejarah ini bagi meraikan Hari Bandaraya Seberang Perai ke-6 serta pelancaran MBSP Santuni Komuniti. Hari ini bukan sekadar ulang tahun. Hari ini adalah lambang perjalanan, pencapaian dan cita-cita besar Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya yang kita banggakan.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua hadirin - barisan Ketua WHIP, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta, komuniti setempat dan yang paling utama, rakyat Seberang Perai yang menjadi nadi sebenar kekuatan MBSP. Tanpa sokongan, kepercayaan dan semangat tuan-tuan serta puan-puan, Seberang Perai tidak mungkin berdiri megah sebagai sebuah bandaraya pada hari ini.
3. Hadirin yang saya hormati,  
Enam tahun lalu, pada tanggal 16 September, kita mengukir sejarah apabila Seberang Perai diangkat sebagai sebuah bandaraya. Hari ini, enam tahun kemudian, kita berdiri lebih gagah dengan tekad

menjadikan bandaraya ini lebih mampan, lebih berdaya huni dan lebih berdaya saing.

4. Sambutan tahun ini juga penuh dengan pelbagai aktiviti rakyat – sukan, jualan komuniti, pameran, pertandingan memancing, mewarna, dan program kekeluargaan. Inilah wajah sebenar Seberang Perai: bandaraya yang hidup, meriah, inklusif dan mesra rakyat.
5. Pada pagi ini juga, kita menyaksikan pelaksanaan Program MBSP Santuni Komuniti, platform penting untuk mendengar denyut nadi masyarakat, memahami isu setempat, serta bersama-sama membina kesedaran sivik – tentang kebersihan, keselamatan dan keharmonian kawasan persekitaran. Saya percaya, apabila rakyat merasa dihargai dan didengari, mereka akan bangkit bersama kita. Inilah kunci sebuah bandaraya maju – kerjasama erat antara rakyat dan pentadbir.
6. Hadirin sekalian,  
Sempena ulang tahun bandaraya yang keenam ini, saya menyeru seluruh warga Seberang Perai – sama ada dalam MBSP, komuniti, agensi kerajaan mahupun swasta – marilah kita terus berganding bahu.

Kita bina Seberang Perai sebagai bandaraya:

- a) inklusif – tiada siapa ketinggalan;
  - b) progresif – sentiasa bergerak ke hadapan;
  - c) berdaya saing – berupaya bersaing di peringkat global; dan
  - d) sejahtera – untuk generasi kini dan akan datang.
7. MBSP akan terus unggul dalam tadbir urus, inovatif dalam penyampaian perkhidmatan, dan mesra rakyat dalam setiap tindakan. Dengan semangat kebersamaan ini, saya yakin Seberang Perai akan muncul sebagai bandaraya contoh di Malaysia.
8. Dengan penuh rasa bangga, dan dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan **Hari Bandaraya Seberang Perai ke-6 Tahun 2025** serta **Program MBSP Santuni Komuniti**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***